

Pekerjaan pertama

» Amal perancangan bijak urus gaji bulanan



Minggu lepas, kita telah sama-sama menerokai pengalaman hidup Adam di kolej dan melihat bagaimana dia membiayai pelajarannya sendiri melalui pinjaman pelajaran serta memberi tuisyen secara sambilan. Minggu ini pula, kita akan bersama Adam apabila dia memulakan pengalaman baru dalam dunia pekerjaan diiringi babak-babak cinta.

Namanya dipanggil dan Daniel menyiku rakan karibnya Adam. Tumpuan Adam masa itu adalah pada Aida, yang duduk di bahagian pertengahan dewan.

Dia sedang memikirkan cara mengambil gambar bersamanya. Walau bagaimanapun, dia cepat-cepat bangkit lalu naik ke pentas untuk menerima skrolnya. Ini merupakan detik yang amat membanggakan bagi Adam serta keluarganya.

Dia akhirnya berjaya mendapat ijazah dengan kepujian dan juga tawaran pekerjaan tetap. Kemudian, pada majlis jamuan sambutan yang diadakan, Adam memberanikan diri meminta Aida bergambar bersamanya dan bertukar-tukar nombor telefon. Mereka berjanji untuk terus berhubung antara satu sama lain.

Adam memulakan kerjayanya di sebuah firma perakaunan terbesar dan dia sangat sibuk dengan kerjanya. Dia dibayar gaji permulaan RM2,500 sebulan dan dengan bekerja lebih masa serta tuntutan lain.

Secara keseluruhannya, dia mendapat gaji purata RM3,000 sebulan. Kini dia mempunyai lebih banyak pendapatan yang boleh diguna tetapi dia masih mempunyai komitmen lain yang perlu difikirkan. Dia mengambil keputusan untuk menyemak semula belanjawannya seperti berikut:

Pendapatan
Gaji Bawa Pulang RM2,500

Perbelanjaan
Tabungan 250
Pembayaran semula pinjaman pendidikan RM150
Hadiah kepada ibu bapa RM500
Makanan RM500
Pakaian & hiburan RM500
Pengkangkutan RM200
Bil telefon RM100

Jumlah Pendapatan RM2,500
Jumlah Perbelanjaan RM2,200

Baki RM300

Nota: Gaji bawa pulang bersih tolak sumbangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Socso dan cukai.

Di atas, kita dapat perhatikan bahawa Adam meletakkan 'Tabungan' sebagai item pertama pada senarai 'Perbelanjaan'. Ini selaras dengan prinsip kita haruslah selalu membayar pada diri kita dahulu.

Oleh itu, dia memastikan dia meneruskan pelaburannya dalam amanah saham, malah kali ini dia menambahkan tabungan berkala kepada 10 peratus daripada gajinya.

Dia ada baca beberapa buku perancangan kewangan yang menyatakan bahawa seseorang haruslah menabung sekurang-kurangnya 10 per-



atus atau lebih daripada pendapatannya berbanding jumlah caruman KWSP mereka.

Malah ada sesetengah perancang kewangan menyarankan kita menabung setakat separuh daripada pendapatan kita. Ini termasuk caruman wajib KWSP daripada majikan dan pekerja yang berjumlah 23 peratus untuk kebanyakan pekerja. Ini bermakna kita perlu menabung jumlah selebihnya sebanyak 27 peratus daripada pendapatan kasar kita!

Ini pastinya suatu permintaan yang agak mustahil bagi ramai orang, khususnya mereka yang mempunyai anak, tetapi pengorbanan sedemikian dapat menjamin masa persaraan yang selesa.

Bayar pinjaman PTPTN
Perkara kedua pada senarainya adalah pembayaran semula pinjaman pendidikan PTPTN. Dengan menggunakan kalku-

lator pinjaman di tapak web PTPTN (<http://www.ptptn.gov.my>) dia perlu membayar kira-kira RM150 sepanjang tempoh 180 bulan, pada kos pentadbiran sebanyak setahun.

Sebagai graduan bertanggungjawab, sebaik sahaja menerima cek gaji pertamanya, Adam mula membayar balik pinjamannya, tanpa menunggu surat tuntutan bayaran balik.

Dia rasa sekiranya dia melambatkan ataupun lebih teruk lagi, tidak mengendahkan pembayarannya, dia sedang merampas peluang mahasiswa dan mahasiswi lain yang sangat memerlukan dana berkenaan, lebih-lebih lagi, dia berhadapan risiko disenaraihitamkan daripada memohon pinjaman pada masa depan.

Oleh sebab Adam tinggal bersama ibu bapanya, dia dapat berjimat daripada belanja sewa, kalau tidak, dia perlu membelanjakan kira-kira RM300 untuk menyewa sebuah bilik di Kuala Lumpur. Dengan penjimatan itu, dia memutuskan memberi ibu bapanya RM250 setiap orang untuk menampung belanja makanan dan penginapannya.

Sememangnya ini suatu tindakan menguntungkan kedua belah pihak kerana sambil membuat jasa pada ibu bapanya, dia dapat berjimat! Dia memperuntukkan RM500



untuk belanja makannya di luar rumah, khususnya bagi makan tengah hari dan makan malam sekiranya dia perlu kerja lewat.

Dia menganggarkan kos makanannya ialah RM20 sehari bagi 25 hari kerja dalam sebulan. Dia juga ketepikan RM500 untuk belanja pakaian dan hiburan kerana pastinya dia lebih sering keluar "makan-makan" atau keluar bersama-sama rakan sekerjanya dan RM100 boleh dihabiskan sekali gus!

Guna pengangkutan awam

Adam juga ada niat membeli kereta tetapi ingin menabung lebih banyak wang agar dapat mengeluarkan bayaran pendahuluan yang lebih besar untuk kereta pertamanya. Buat masa ini, dia akan menggunakan pengangkutan awam atau menumpang rakan-rakan sekerjanya yang memandu.

Seperti dulu, dia mendapatkan Kad Perjalanan Bulanan, iaitu pas perjalanan bersepadu untuk bas awam dan LRT pada harga RM135 sebulan. Dia membundarkan jumlah ini kepada RM200 dan selebihnya untuk meliputi tambang teksi. Dia juga menganggarkan RM100 bagi bil telefon bimbitnya yang pastinya akan bertambah dengan berkembangnya kehidupan sosialnya.

Selepas mengambil kira kesemua perbelanjaan yang dapat diramalkan, dia gembira apabila mendapati dia masih mempunyai baki lebihan sebanyak RM300 setiap bulan. Semasa memikirkan cara untuk membelanjakan wang secara produktif, dia terbaca suatu artikel dalam majalah kewangan peribadi yang menekankan keperluan setiap dewasa yang bekerja memiliki polisi insurans.

Polisi insurans

Dia membuat pertanyaan mengenai jenis polisi yang paling sesuai buat dirinya dan selepas meneliti beberapa pilihan, dia memutuskan untuk mendapatkan polisi insurans. Dia dapati dia mampu menggetepikan 10 peratus daripada gajinya kerana polisi insurans yang dipilihnya juga berfungsi sebagai alat penabungan yang tetap.

Oleh itu, dengan belanja-

wan kira-kira RM250 sebulan, dia dapat membeli insurans bagi dirinya dan juga insurans perubatan yang disertakan dengan kad perubatan. Kad perubatan merangkumi kos rawatan hospital dan pembedahan sekiranya dia dimasukkan ke hospital.

Meskipun dia mendapat perlindungan insurans daripada syarikatnya, dia rasa dia harus mendapatkan perlindungan insurans sendiri sebagai suatu sandaran keselamatan. Kini dengan peruntukan ini, dia boleh menggunakan hampir keseluruhan pendapatannya secara produktif.

Semasa menjalankan tugas auditnya, Adam terserempak dengan kenalan lamanya. Tak lain tak bukan rakan universitinya - Aida! "Wah, alangkah kecilnya dunia ini, pertemuan indah yang tak disangka dan lama diidam-idamkan!" katanya kepada dirinya. Aida hendak mengadang jawatan sebagai eksekutif kewangan di bank tempat Adam sedang menjalankan audit dan dia segera mengemcam Adam. Mereka sudah lama tidak berjumpa ataupun hubungi satu sama lain sejak menamatkan pengajian di universiti dan kenangan manis zaman universiti terlintas di fikiran. Aida adalah siswazah bidang perniagaan dan dulu mereka tinggal di hostel yang sama. Ada kalanya, mereka menghadiri kuliah bersama-sama rakan tetapi tidak pernah keluar berdua-duaan. Adam menyemak nombor telefonnya yang disimpannya sejak kali terakhir mereka bertemu dan mendapati nombornya masih sama.

Dia meminta Adam membuat panggilan terlepas kepada telefon bimbit barunya dan alangkah terkejutnya Adam melihat gambar mereka berdua semasa di upacara penyampaian ijazah terpapar di telefonnya...dengan nama "Adam" berkelau-kilauan. Aida terasa malu dan tak dapat ucapkan apa-apa.

Lantas wira kita Adam dengan segera mengawal keadaan dengan memberi senyuman manis dan berharap cinta yang baru berputik ini akan terus mekar..... (nantikan artikel keempat kami dalam siri 12 artikel)

